


# Dr Mohd Sawari penjulung aksara pendidikan seni visual



**CATATAN KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN MOHD ARUS**

OB 11.11.2018 B3  
**P**ELUKIS kadangkala perlu berhijrah bagi meluaskan ruang lingkapnya serta kawasan yang subur dengan ilham untuk membuat satu penerokaan yang baru.

Biasanya apabila berada di tempat selesa mereka menjadi beku dan tepu. Justeru itu untuk tujuan rangsangan minda yang lebih kreatif dan melonjak seperti yang dilakukan oleh Paul Gauguin pelukis perintis moden barat yang berhijrah ke Tahiti dari Paris pada abad ke lapan belas.

Begitu juga halnya dengan Dr Mohd Sawari yang menyeberangi Laut China Selatan untuk melihat parameter yang baru dan yang lebih segar. Berkhidmat

sebagai seorang pensyarah seni di Maktab Perguruan Kent, Tuaran, Sabah sejak hampir sepuluh tahun.

Beliau dilahirkan dan membesar di Pasir Mas Kelantan negeri ilmu yang kaya dengan khazanah kesenian tradisional. Sudah tentu budaya estetika dibekalkan dengan pengalaman kesenian yang kaya mendasari bakat beliau sebelum melangkah berhijrah.

Di samping itu beliau berpengalaman sebagai seorang guru seni di beberapa buah maktab perguruan di Semenanjung Malaysia sebelum tinggal di negeri Sabah. Walaupun kelulusan di peringkat ijazah dan sarjana dalam bidang *Fine Metal* atau pertukangan logam murni, beliau juga berpengalaman bekerja di beberapa syarikat barangan kemas dan permata seperti *Habib Jewelry* dan beberapa lagi syarikat terkenal dalam reka bentuk dan tatarias perhiasan barangan kemas.

Namun minat sebagai seorang pendidik seni visual sangat kuat menggodanya sehingga beliau akhirnya memutuskan untuk melanjutkan pelajaran tambahan dan mengikuti kursus *Art Teacher Diploma* di UTM sekali lagi selepas beberapa tahun meninggalkan institusi itu.

Selepas tamat mendapatkan ijazah, beliau berhijrah ke negeri bawah bayu bersama isteri seorang guru seni lukis di salah sebuah sekolah



**PAHLAWAN Bajau Kota Belud, 2018.**

di sini. Sebagai seorang yang minat mencari ilmu dan menambahkan ruang lingkup ilmu seni, beliau akhirnya memutuskan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Phd dan akhirnya telah dianugerahkan Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah Seni Visual pada tahun 2016 dari Universiti Malaysia Sabah.

Mengimbas semula titik permulaan minat kepada seni visual adalah apabila mula menghasilkan karya seni lukisan dan catan sejak menjadi guru seni di beberapa buah sekolah di Pulau Pinang dan Kuantan Pahang.

Di samping itu, seingat beliau pernah menghasilkan karya pertama berbentuk lukisan poster dan lukisan batik semasa menuntut di sekolah menengah dan memenangi hadiah tempat ketiga (poster) dan pameran batik di peringkat negeri tersebut.

Kini beliau mempunyai studio mini di rumah untuk menghasilkan catan dan kerja-kerja seni di samping ruang pejabat kecil. Pernah

juga mempunyai bengkel menghasilkan batik di bahagian sudut belakang rumah.

Menurut beliau lagi dengan mempunyai galeri walaupun kecil tetapi sangat membantu melonjakkan hasil serta mutu karya kerana ruang yang khas menjadi amat selesa dan menggetarkan minda kreatif. Sebagai contoh beliau mempunyai galeri maya iaitu *Galeri Arttaqwa* di Facebook. Jika terdapat tempahan beliau akan hasilkan karya seperti kaligrafi, lukisan dan sebagainya.

Menurut beliau, sebagai memfokuskan ketrampilan serta kefahaman seni beliau hanya menumpukan kepada empat bidang yang telah diterokainya sejak dahulu iaitu sebagai tenaga pengajar dalam seni visual, pelukis, pereka grafik dan penulis seni visual.

Beliau banyak menulis rencana serta essei di surat khabar. Oleh sebab itu dalam bidang menulis bahan bacaan seperti buku-buku seni, artikel dan keterlibatan *artist* di media sosial banyak membuka minda dan pengetahuan untuk lebih meneroka, belajar, merujuk internet dan sebagainya untuk meningkatkan mutu dan kualiti dalam seni lukis.

Beliau mula bergiat aktif dan serius menghasilkan catan pada tahun 2012, ketika bercuti menyambung pengajian dalam peringkat doktor falsafah. Karya beliau mula mendapat perhatian dari hakim pertandingan misalnya Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah, Pertandingan Batik Sabah, Pertandingan Mural, Pameran Karya Undangan dan lain lain.

Berdasarkan kepada soalan yang diajukan kepada beliau berkaitan sama ada menghasilkan karya membawa pulangan yang berbaloi atau memuaskan, beliau menjelaskan tujuan

berkarya adalah untuk menghasilkan karya yang baik serta berdasarkan pernyataan sendiri.

Oleh itu soal jualan tidak menjadi perkara penting namun jika tidak terjual, karya akan disimpan di ruang studio bersama karya koleksi teman seni lukis yang sudah menjadi koleksi peribadi.

Berkaitan polemik pelukis yang berkarya dalam pelbagai gaya dan hal benda, Dr sawari berpendapat bahawa pelukis bebas untuk mengutarakan isu semasa dan melihat tema pameran berdasarkan kehendak semasa dan pertandingan. Pelukis juga harus mempertimbangkan 'subject matter' agar merangsang kreativiti di samping penggunaan bahan dan media yang sesuai.

Oleh sebab itu bagi membuktikan tanggapan tersebut beliau sendiri sebagai seorang pelukis membuat banyak penerokaan sama ada hal benda mahupun teknik serta media bagi menghasilkan inovasi dalam karya sebagai contoh karya bertajuk *Tajau* yang dihasilkan pada tahun 2014.

Karya itu digemblengkan dengan bahan logam agar karya yang mendarat tercetus kedidamkannya dengan permukaan yang lebih bertekstur di samping imej tajau yang berbagai sudut beserta sapuan warna merah dan kuning yang kelihatan garang.

Menurut beliau lagi berkarya adalah kepuasan diri dan sering belajar bagaimana untuk menghasilkan karya yang berkualiti dan sarat dengan makna sebagai mesej dan pengajaran yang berguna kepada masyarakat.

Sebagai seorang guru serta fasilitator kreatif, beliau merasakan sangat peka dan prihatin yang menagih ketajaman imaginasi dan ketrampilan yang tinggi dalam menghasilkan karya

seni yang membawa manfaat sejagat.

Di samping itu juga, guru seni perlu berdaya estetika tinggi dalam apa jua aktiviti yang dapat mencetuskan hidup yang lebih harmoni dan bersemangat. Seperti mana yang diungkapkan oleh tokoh falsafah terkenal berkaitan mempelajari seni; "*One must always be prepared to learn something totally new...*" (Ludwig Wittgenstein (1951))

Dr Sawari merasa amat bertuah kerana usaha menghasilkan karya yang bermutu serta berkualiti didapati dari sokongan isteri tercinta yang juga seorang pelukis dan pendidik seni. Kehidupan berkeluarga yang didampingi dengan seni dan kreativiti sebenarnya disokong juga oleh bapa mertua beliau Cikgu Hj. Zakaria Adam, seorang mantan pensyarah seni lukis yang kini mempunyai studio dan galeri seni di bandar Maran, Pahang menjadi penggerak kepada dunia kesenian beliau dan keluarga.

Salah satu karya beliau yang terbaharu bertajuk *Pahlawan Bajau* menggambarkan wira sebagai penunggang kuda Bajau yang terkenal di negeri Sabah terutamanya sebagai budaya yang unik di rantau negeri bawah bayu. Pahlawan Bajau dilukis dengan media campuran disisipkan dengan tiga bilah parang sebagai senjata yang menarik, menimbulkan kekaguman walaupun tidak digambarkan bilahnya namun ukiran yang teliti pada hulunya menunjukkan ketinggian budaya yang dimiliki kaum tersebut.

Karya yang dihasilkan dalam gaya surrealisme itu kelihatan tiga senjata tersebut sedang berdialog antara satu sama lain apabila disangah oleh Pahlawan Bajau yang gagah menunggang kuda dengan berlatakan panji-panji serta bendera


yang berwarna warni, imejan yang berwadahkan fatamorgana tersebut berjaya memukau khalayak berdasarkan permainan komposisi yang ilusif.

Dalam satu temubual bersama pelajar, Dr Mohd Sawari menekankan bahawa pelukis perlu banyak menambah pengetahuan dan kajian terhadap pembangunan seni visual di Malaysia agar dapat bersaing dengan negara lain yang lebih maju dalam penghasilan karya.

Karya seni perlu dilindungi, pelesenan dan hak cipta sebagai harta intelek oleh badan yang berwajib untuk terus relevan pada masa hadapan. Hal ini sangat mengambil kira terhadap pelukis yang banyak mengemblem tenaga dan fikiran serta pengorbanan dalam menghasilkan karya seni.

Seperti mana yang diwarwarkan oleh pelukis tersohor England Sir Joshua Reynolds (1792) "*The mind is but a barren soil- a soil which soon exhausted, and will produce no crop unless it be continually fertilized and enriched with foreign matter...*" Antara lain beliau membandingkan minda seorang pelukis umpama lapangan yang gersang, tanah tanahnya akan menjadi kering dan kontang yang tidak akan menghasilkan tumbuhan lagi, jika tidak dibajai berterusan dan dimurnikan dengan bahan luaran maka ia tidak akan subur dan berfungsi lagi.


**\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\***



**TANPA Tajuk. Bahan Campuran. 2004.**



**BERSAMA isteri Suraya Hani menghasilkan Perioik Kera.**



**KUIH Penjaram. Campuran. 2015.**